

Pakaian Kanak-Kanak

Noraini Hamim

Jabatan Senireka Fesyen 4

Kajian Senilukis Dan Senireka

ITM, Shah Alam

1984

PENGHARGAAN

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka-mereka yang telah membantu saya dalam menyiapkan tesis ini . Terutama penasihati saya Cik Kalsom Muda dan rakan-rakan .

Wasalam , Amin.....!

KANDUNGAN

Pendahuluan	i
1 BAB PERTAMA	
Sejarah Pakaian Kanak-kanak	1
2 BAB KEDUA	
Perkembangan Pakaian Kanak-kanak	14
3 BAB KETIGA	
Faktur-faktur Fesyen Pakaian Kanak-kanak	53
4 BAB KEEMPAT	
Fesyen Dan Masyarakat	57
5 BAB KELIMA	
Cadangan	69
6 PENUTUP	71
Bibliografi	
i Bahan-bahan rujukan	72
ii Temuramah-temuramah	73

PENDAHULUAN

Pakaian merupakan alat untuk melindungi diri dari keadaan cuaca yang berbeza-beza . In terbukti jika ditinjau dari berbagai fesyen pakaian yang dipakai oleh penduduk diseluruh pelusok dunia . Contohnya di Malaysia fesyen pakaian sering berubah-ubah mengikut peredaran masa . Namun begitu ciri-ciri kebangsaan masih dikekalkan . Bagi kanak-kanak , walaupun ia tidak begitu dipengaruhi dengan anika fesyen tetapi , citarasa itu banyak telah merubah bentuk fesyen pakaian kanak-kanak dewasa ini . Akibatnya wujudlah institusi yang mencipta reka bagi memenuhi selera penggunanya .

OLEKS

SEJARAH PAKAIAN KANAK-KANAK

Pada awalnya kanak-kanak tidak memakai apa-apa pakaian pun . Tidak lama kemudian orang-orang dizaman batu mula menggunakan kulit-kulit binatang sebagai bahan pembalut tubuh . Ini adalah untuk menahan diri daripada sebarang cuaca panas atau sejuk .

Mengikut kajian yang diperolehi pakaian kanak-kanak dahulu adalah berbentuk sehelai kain pembalut tubuh yang dipanggil Bedong* . Ini dianggap sejenis pakaian yang asli dan tradisional . Bedong sangat popular dikalangan bayi-bayi yang baharu lahir .

Apabila kanak-kanak berusia dalam lingkungan sembilan tahun keatas , ia akan berkembangan** . Cara begini adalah mengikut orang dewasa . Bagi kanak-kanak perempuan berkembangan adalah bertujuan untuk menutup bahagian dada atau bahagian payudara . Cara begini sangat popular dikalangan orang-orang Asia .

Berdasarkan pada sejarahnya, pakaian kanak-kanak sama ada dalam bentuk tulisan , gambar-gambar dan barang-barang tinggalan lama , kebanyakan kanak-kanak tidak dipedulikan tentang fesyen pakaiannya dan hanya menerima apa saja pemberian orang tua mereka .

* Sehelai kain yang melilit tubuh bayi dari keadaan cuaca panas atau sejuk .

** Menutup tubuh dari aras dada hingga kebahagian lutut .